

CERAMAH SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1440H



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3907-ceramah-sambutan-maal-hijrah-1440h

TANJUNG BUNGAH, 13 Sep 18 - Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah menjemput penceramah iaitu Kapt Sahrul Nizan bin Husin Pegawai Agama BN165 Risik Tentera Darat sempena Sambutan Maal Hijrah 1440H yang bertajuk " Menyantuni Umat Membawa Berkat ".

Ceramah ini juga dihadiri oleh Pegawai dan Staff INSKEP serta peserta kursus Squadron Officer Course Siri 90/18. Antara isi kandungan ceramah yang disampaikan adalah kita wajib berhijrah dari hidup yang lalu kepada satu kehidupan baru yang lebih baik, perancangan manusia itu usaha dan perancangan Tuhan itu takdir. Jutaan terima kasih kepada penceramah kerana penyampaian yang sangat baik dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

